

22/05/2001

Pembubaran Akar, pemangkin perpaduan Umno

Shamsul Kamal Amarudin

PADA 28 Ogos 1989, Pandikar Amin Mulia (Datuk) yang ketika itu menjadi Senator bersama Timbalan Menteri Buruh Persekutuan, Kalakau Untol, membuat kejutan dengan mengemukakan permohonan kepada Pendaftar Pertubuhan (ROS) untuk menubuhkan sebuah parti baru yang dikenali sebagai Angkatan Keadilan Rakyat (Akar).

Tindakan kedua-dua bekas pemimpin Parti Bersatu Sabah (PBS) itu adalah susulan krisis kepemimpinan dalam PBS yang ketika itu menerajui kerajaan Sabah.

Kedua-duanya bersama 10 bekas pemimpin PBS lain, termasuk Timbalan Ketua Menteri ketika itu, Datuk Mark Koding; seorang pembantu menteri Sabah serta dua setiausaha politik, kemudian menjadi penggerak utama kepada kewujudan Akar dalam arena politik Sabah.

Kelmarin, Senator Pandikar, satu-satunya pengasas Akar yang masih berada dalam parti itu, membuat kejutan lagi dengan mengumumkan pembubaran Akar dan kira-kira 30,000 ahlinya akan menyertai Umno secara beramai-ramai.

Pembubaran itu diisytiharkan oleh Pengerusi Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Presiden Umno.

Seperti tindakannya 12 tahun lalu, Pandikar Amin sekali lagi mengambil langkah pendekar dengan membuat keputusan menutup gelanggang yang dibukanya sendiri bersama rakan seperjuangan lain.

Spekulasi kemungkinan Akar akan dibubarkan atau Pandikar Amin meninggalkan parti itu untuk menyertai Umno sudah mula diperkatakan sejak tahun lalu lagi.

Ia semakin hangat diperkatakan selepas perhimpunan agung tahunan parti itu pada 25 November tahun lalu apabila perwakilan memberi mandat sepenuhnya kepada presiden parti menentukan hala tuju Akar pada masa depan.

Selang beberapa bulan selepas kongres berkenaan, Timbalan Presiden Akar, Datuk George Sangkin, mengumumkan kemasukan beliau bersama beberapa penyokong ke dalam Pertubuhan Pasok Momogun Kadazandusun Murut Bersatu (Upko) manakala salah seorang Naib Presiden, Datuk Kadoh Agundong, menyertai Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS).

Pandikar Amin yang gemar menggunakan madah, seloka, analogi, penceritaan dan peribahasa dengan maksud tersirat dalam beberapa siri ucapannya, sudah membayangkan untuk membuat keputusan itu ketika berucap pada kongres parti itu yang bertemakan 'Ke manakah hala tuju perjuangan parti dalam senario politik masa kini' pada 25 November tahun lalu.

Dalam ucapannya itu, beliau bercerita mengenai kisah 'Bangau oh Bangau' daripada permulaan cerita sehingga penamatnya, iaitu daripada pertanyaan kenapa bangau kurus sehingga katak memanggil hujan berikutan dikejar ular.

Beliau cuba membayangkan kedudukan dan perjuangan parti Akar yang semakin sukar untuk terus bertahan manakala rakyat, terutama Melayu dan Bumiputera, masih terus berpecah-belah dengan sentiasa mencari sebab untuk 'menghalalkan' perpecahan itu terus berlaku serta tidak melakukan sesuatu bagi mengatasinya.

Dalam ucapannya kelmarin pula, Pandikar Amin tidak menolak kemungkinan ada pihak yang akan melabel tindakan pembubaran itu sebagai 'katak terbesar' pernah melompat dalam arena politik Sabah.

Beliau bagaimanapun menolak tanggapan yang mungkin timbul itu dengan meyakinkan bekas ahli parti berkenaan bahawa tindakan itu semata-mata menyahut seruan Perdana Menteri yang sangat mementingkan perpaduan, dan

Akar membuka langkah menyahut cabaran itu dengan penuh keikhlasan, iaitu kesanggupan membubarkan parti dan memohon menyertai Umno semata-mata untuk mengukuhkan perpaduan yang dicita-citakan.

"Hakikatnya, kita tidak boleh menafikan bahawa tulang belakang dan tonggak kekuatan BN ialah Umno. Lemah Umno, maka lemahlah BN, begitu juga sebaliknya.

"Tindakan Akar ini kami sifatkan sebagai langkah pertama dalam seribu langkah ke arah perpaduan jitu yang diidamkan oleh kita semua," katanya.

Mengikuti rekod, Akar pernah mempunyai ahli melebihi 60,000 orang dan bersama Parti Liberal Demokratik (LDP), menjadi komponen tertua dalam BN Sabah, iaitu ketika kerajaan negeri masih diterajui pembangkang, PBS.

Parti itu juga pernah menghadapi krisis kepemimpinan apabila berlaku perbalahan mengenai jawatan presiden parti antara Pandikar Amin dengan Datuk Dr Jeffrey Kitingan pada 1994.

Penubuhan Akar berkonsepkan parti berbilang kaum tetapi sebahagian besar ahlinya adalah daripada masyarakat Kadazandusun, terutama ketika Akar di bawah kepemimpinan Koding.

Sepanjang penubuhannya selama 12 tahun, Akar cuma menang satu kerusi, iaitu di Tempasuk pada pilihan raya Dewan Undangan Negeri (DUN) 1994 menerusi Pandikar Amin.

Akar mendapat kuota dalam barisan Kabinet kerajaan negeri bagi penggal 1994-1999 menerusi Pandikar Amin sebagai Menteri Pertanian dan Perikanan negeri serta Datuk Markus Majihi sebagai Pembantu Menteri Pembangunan Sosial.

Bagaimanapun, selepas BN kembali menguasai kerajaan negeri pada pilihan raya DUN 12-13 Mac 1999, Akar tidak diberi sebarang kuota dalam jemaah menteri Sabah berikutan semua calonnya tewas manakala Pandikar Amin tidak mempertahankan kerusi Tempasuk dengan memberi laluan kepada calon Umno bertanding di kawasan itu.

Beliau bagaimanapun dilantik sebagai Senator dan menjadi Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Berikutan pembubaran Akar, anggota komponen BN Sabah kini dianggotai lapan parti, iaitu Umno, Parti Maju Sabah (Sapp), PBRIS, Upko, LDP, MCA, Gerakan dan MIC.

Dalam sejarah politik Sabah, tindakan pertama pernah dilakukan untuk menyatupadukan semua golongan masyarakat Bumiputera dalam satu parti berlaku apabila pemimpin dan ahli Parti Kebangsaan Kadazandusun Bersatu (Unko) menyertai Umno secara beramai-ramai pada pertengahan 1960-an.

Tindakan membubarkan Akar secara tidak langsung bukan saja dapat menambah kekuatan Umno selaku tonggak utama BN Sabah tetapi juga membuka lembaran baru apabila Dr Mahathir mengumumkan kesediaan Umno untuk menerima penyertaan bekas ahli Akar daripada kaum Cina menyertai parti itu.

Sebenarnya, jika tanpa penyertaan mereka sekalipun, Umno Sabah sudah sedia kukuh dan ini boleh dilihat daripada kedudukan kerusi DUN dengan Umno menguasai 27 daripada 48 DUN sedia ada, tidak termasuk tiga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) dilantik.

Justeru, tindakan Umno memberi kelonggaran terhadap penyertaan orang bukan Melayu/Islam di Sabah menyertainya dilihat oleh pemerhati politik untuk menjadikan kedudukan parti itu lebih bersifat kebangsaan, terbuka dan diterima oleh semua penduduk negeri itu.

"Umno ialah parti untuk orang Melayu tetapi pentingnya kita berkembang di Sabah, kita menerima Bumiputera bukan Islam sebagai ahli parti dan sekarang kita juga akan terima orang Cina juga," kata Dr Mahathir.

Pengumuman itu bagaimanapun bukan sesuatu yang agak mengejutkan kerana sebelum ini pun sudah ada anggota Umno berketurunan Cina yang beragama Islam atau mempunyai taraf Bumiputera, menjadi ahli parti. Salah seorang

daripada mereka yang mempunyai nama Cina, Fong Weng Sun, 48, dari Kampung Paamalaan, menjadi Ahli Jawatankuasa Umno Bahagian Keningau.

Sehubungan itu, dua perkembangan terbaru dalam politik Sabah itu kini menjadi perhatian banyak pihak kerana ia mampu menjadi pemangkin bukan saja kepada hala tuju politik Sabah tetapi juga boleh memberi kesan terhadap masa depan politik negara secara keseluruhan.

Sebagaimana sebaris ayat dalam ucapan Pandikar Amin kelmarin: "Justeru, adalah menjadi harapan Akar bahawa pengorbanan kecil ini akan menjadi pemangkin kepada pengorbanan lebih besar daripada pihak-pihak tertentu."

(END)